

Bacaan Anakku Kreatif Membantu Penguasaan Asas Membaca Kanak-Kanak Prasekolah

Norsita Ali, Phd
norsita@ipgm.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam penguasaan asas membaca kanak-kanak prasekolah. Wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan yang besar dalam sistem pendidikan negara, termasuk majoriti kanak-kanak prasekolah yang melangkah ke tahun satu masih belum menguasai kemahiran membaca. Tiga objektif kajian yang hendak dicapai, iaitu mengenal pasti kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam (i) meningkatkan minat dan keseronokan kanak-kanak membaca, (ii) memudahkan kanak-kanak mengingat, menyebut dan membunyikan vokal dan suku kata, dan (iii) meningkatkan penguasaan membaca kanak-kanak prasekolah. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kes dengan menemu bual enam orang peserta yang terdiri daripada guru prasekolah dan kanak-kanak prasekolah. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Protokol temu bual ditadbir sendiri oleh pengkaji dan guru terlibat terhadap sampel kanak-kanak. Data dikumpul melalui pemerhatian di lapangan yang dirakamkan dengan peralatan rakaman video dan audio secara perbualan dalam telefon. Transkrip video dan temu bual dianalisis secara tematik. Hasil analisis kajian mendapati, kanak-kanak yang diuji sangat seronok dan berminat dengan buku ini yang disusun dengan gambar dan warna-warni. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa buku ini memudahkan kanak-kanak mengingat, menyebut serta membunyikan vokal dan suku kata seterusnya meningkatkan penguasaan membaca kanak-kanak. Kesimpulannya dari aspek teknikal dan reka bentuk buku ini amat berkesan dan sesuai dalam menanam asas membaca kanak-kanak prasekolah. Diharap buku ini menjadi salah satu daripada bahan untuk membantu para guru dan ibu bapa mengajar anak-anak membaca cepat dan lancar. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan bagi melihat keberkesanan buku ini dalam menanam asas membaca kanak-kanak secara holistik.

Kata Kunci: Kemahiran membaca, kanak-kanak prasekolah, buta huruf, pandemik COVID-19

Abstract

*This study aims to identify the technical and design effects of the book *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* in the basic mastery of reading in preschool children. The COVID-19 epidemic that has hit the whole world has had a great impact on the country's education system, including the majority of preschool children entering year one who have not yet mastered reading skills. The three research objectives to be achieved, namely identifying the technical and design effects of the book *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* in (i) increasing children's interest and enjoyment in reading, (ii) making it easier for children to remember, pronounce and sound vowels and syllables, and (iii) improve preschool children's reading proficiency. This qualitative study uses the case study method by interviewing six participants consisting of preschool teachers and preschool children. Study participants were selected using a purposive sampling method. The interview protocol was self-administered by the researcher and the teacher involved with the sample of children. Data was collected through observations in the field recorded with video recording equipment and audio through phone conversations. Video transcripts and interviews were analyzed thematically. The results of the analysis of the study found that the children who were tested were very happy and interested in this book which was arranged with pictures and colors. The findings of the study also show that this book makes it easier for children to remember, pronounce and sound out vowels and*

syllables, thereby increasing children's reading proficiency. The conclusion from the technical aspect and design of this book is very effective and suitable in cultivating the foundation of reading for preschool children. It is hoped that this book will be one of the materials to help teachers and parents teach children to read quickly and smoothly. This study suggests that further research be done to see the effectiveness of this book in cultivating children's reading foundation holistically.

Keywords: Reading skills, preschool children, illiteracy, COVID-19 pandemic

Kemahiran membaca perlu dipupuk dalam diri kanak-kanak sejak awal lagi. Kemahiran membaca sangat penting kerana ia akan menentukan tahap pembelajaran murid hingga peringkat seterusnya. Murid yang gagal menguasai kemahiran membaca dikhuatiri akan menjejaskan pembelajarannya dan boleh meninggalkan kesan psikologi ke atas diri mereka seperti tiada keyakinan diri. Melalui pembacaan, dapat menambah ilmu seseorang di samping dapat membantu menambahkan perbendaharaan kata yang dimiliki. Hal ini kerana dengan membaca, seseorang itu akan menemui pelbagai jenis perkataan baharu.

Selepas berlakunya penularan COVID-19, apabila murid mula menjalani pembelajaran secara bersemuka, jelas ketara didapati murid prasekolah yang memasuki tahun satu ramai yang tidak pandai membaca. Murid Tahap 2 pula semakin hilang minat membaca terutama bahan bacaan fizikal yang dianggap membosankan berbanding dengan bahan bacaan digital (Habibah Mohammad@Basiron, Nor Azwahanum Nor Shaid & Nurul Azlin Ogthman, 2023).

Kanak-kanak yang mampu membaca dengan baik dapat memperoleh banyak pengetahuan dalam pelbagai bidang. Seterusnya minat membaca akan sehati dan menjadi budaya dalam kehidupan mereka hingga dewasa. Terdapat tiga kemahiran membaca yang perlu dikuasai oleh seseorang murid iaitu: 1) Prabacaan atau Bacaan awal, 2) Bacaan Mekanis, dan 3) Bacaan dan Pemahaman. Kajian ini memfokus kepada kemahiran Prabacaan atau Bacaan Awal dengan menggunakan buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif yang terdiri daripada empat jilid.

Pernyataan Masalah

Pembudayaan tabiat membaca dalam kehidupan seseorang bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat, bukan merupakan satu tugas yang mudah. Membaca bukan sahaja diperlukan untuk kegunaan di sekolah, malah untuk seluruh aspek kehidupan. Dengan membaca, seseorang itu dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menambahkan pengetahuan am tentang dunia dan kehidupan dan seterusnya menjadi warga yang berilmu dan berketerampilan seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Semua orang termasuk kanak-kanak amat bergantung kepada kemahiran membaca untuk memperoleh dan mengguna pakai pelbagai maklumat serta pengetahuan sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik selaras dengan perkembangan pesat sains dan teknologi pada abad ke 21. Menyedari hakikat ini, penguasaan terhadap bacaan dan cara pengendaliannya amat ditekankan oleh sistem pendidikan sekolah rendah khususnya. Aktiviti pengayaan turut diberi penegasan sebagai usaha memantapkan penguasaan bacaan murid, manakala bagi yang lemah pula pemulihan dijalankan. Walaupun kini pendidikan digital pesat berkembang, namun cara mengajar secara konvensional menggunakan buku fizikal masih lagi relevan dan lebih mudah dan berkesan. Selain itu, guru dan murid perlu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran tertentu berkaitan pembelajaran dalam talian supaya PdPR berjalan lancar (Azuara, Abidin & Hassan, 2021). Penguasaan pengetahuan guru meliputi pengetahuan ilmu kandungan, penerapan konsep teori dan kepelbagaian kaedah mengajar (Mohd Nor, Nik Yusooif & Haron, 2020; Mazin, Norman, Nordin & Ibrahim, 2020; Anesman, Hussain & Zulkifli, 2020).

Antara isu pendidikan yang mendapat perhatian ialah isu murid prasekolah ketinggalan dalam kemahiran membaca ekoran kesukaran penyampaian pengajaran satu dengan satu (*face to face*) antara guru dan murid semasa PdPR berlangsung. Isu ini menjadi kerisauan dalam kalangan guru prasekolah dan guru tahun satu kerana bakal menyambut murid-murid yang dijangkakan majoritinya tidak boleh membaca dan apatah lagi dalam kalangan ibu bapa (Hazhari, 2021). Membaca bertujuan untuk memperoleh makna daripada bahan yang dibaca (Mohamed Isa & Che Husin, 2012). Guru pendidikan awal kanak-kanak atau ibu bapa, perlu membimbing kanak-kanak dalam mengenali persekitaran mereka seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan pelbagai lagi kerana kanak-kanak mula membaca melalui gambaran yang dilihat (Romarzila, 2017).

Kemahiran membaca merupakan komponen penting dan menjadi kunci kepada ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, kemahiran membaca perlu dipelajari seawal yang boleh. Malangnya dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa 50% kanak-kanak prasekolah yang memasuki tahun satu pada tahun 2022 tidak pandai membaca (Norsita & Hashimah, 2021). Ketika COVID-19 dan penguatkuasaan PKP, guru sukar mengajar kanak-kanak secara dalam talian dan kerjasama ibu bapa amat perlu bagi mengatasi masalah ini. Ibu bapa dan guru bimbang, sekiranya tidak ditangani, kanak-kanak ini akan terus tercicir kerana aras buku tahun satu sangat tinggi (Hazhari, 2021). Walaupun PdPR dilaksanakan melalui pelbagai platform digital, para pendidik berpendapat, bentuk pengajaran sedemikian rupa tidak berkesan terhadap sebahagian besar pelajar (Lau, Alizah & Rosliah, 2020).

Malah terdapat juga murid Tingkatan Satu yang masih tidak tahu membaca dan masalah ini bukan isu baharu dan bukan semata-mata kerana kekangan pandemik COVID-19 (Datuk Radzi Jidin, 2022). Ini menunjukkan bahawa masalah murid tidak pandai membaca ini seolah-olah tiada noktahnya. Masalah penguasaan kemahiran membaca boleh menjejaskan usaha pihak sekolah untuk melahirkan murid yang berpengetahuan (Razali dan Ayob, 2018). Oleh itu, kemahiran membaca perlu dipupuk dalam kalangan kanak-kanak dari awal usia supaya proses pembelajaran mereka ke peringkat selanjutnya tidak terganggu. Kemahiran membaca perlu diterapkan melalui kaedah yang menarik, menghiburkan hati dan sesuai dengan psikologi supaya dapat membangkitkan minat mereka untuk terus belajar (Emmi Silvia Herlina, 2020).

Oleh itu, kajian terdahulu juga mencadangkan agar ada kaedah atau buku yang boleh menarik minat kanak-kanak untuk belajar membaca (Norsita & Hashimah, 2021), seterusnya mendorong pengkaji menghasilkan buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* sebagai salah satu medium untuk membantu para guru dan ibu bapa mengajar anak-anak membaca. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan teknikal dan reka bentuk buku tersebut dalam meningkatkan penguasaan asas membaca kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kajian ini merupakan satu usaha untuk menambahkan literatur tentang kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah dan murid tahun satu sekolah rendah di Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk;

1. Mengetahui kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam meningkatkan minat dan keseronokan kanak-kanak,
2. Mengetahui kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam memudahkan kanak-kanak mengingat, menyebut dan membunyikan vokal dan suku kata, dan
3. Mengetahui kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam meningkatkan penguasaan membaca kanak-kanak prasekolah.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah;

1. Bagaimanakah kesan teknikal dan reka bentuk buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif terhadap minat dan keseronokan kanak-kanak?
2. Bagaimanakah kesan teknikal dan reka bentuk buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif dalam memudahkan kanak-kanak mengingat, menyebut dan membunyikan vokal dan suku kata?, dan
3. Bagaimanakah kesan kesan teknikal dan reka bentuk buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif dalam meningkatkan penguasaan membaca kanak-kanak membunyikan vokal dan suku kata?

Kajian Literatur

Reka Bentuk dan Teknikal

Reka bentuk adalah rekaan keseluruhan buku yang melibatkan proses menyusun atur reka letak halaman bermula daripada bahagian awalan, bahagian kandungan dan bahagian akhiran mengikut kreativiti perekabentuk sesuai dengan kandungan buku & spesifikasi yang ditetapkan (Razak Rahim, 2017). Reka bentuk dan teknikal yang dimaksudkan dalam kajian ini meliputi penggunaan gambar, jenis dan saiz *font*, *spacing* dan susun atur gambar serta kandungan dalam buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif. Penggunaan warna dan gambar-gambar yang menarik terutamanya gambar posisi mulut akan memudahkan kanak-kanak meniru/mengejek posisi mulut kartun, mengingat bunyi vokal seterusnya mampu membaca suku kata dengan cepat. Buku ini amat sesuai untuk kanak-kanak prasekolah, murid tahun satu, murid pemulihan dan sekolah rendah.

Kepentingan Membaca

Kemahiran Bahasa Melayu murid prasekolah meliputi kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Membaca adalah satu kemahiran bahasa yang utama kerana kelemahan dalam penguasaan bahasa akan menjejaskan kemajuan kanak-kanak. Ini kerana bahasa adalah medium perantaraan untuk menerima segala jenis ilmu pengetahuan serta menjadi wadah perantaraan yang akan membolehkan kanak-kanak memperoleh, menyusun dan menyampaikan idea serta pengalaman mereka (Thanavalli, 2016).

Kebolehan membaca dan bahasa akan membantu kanak-kanak dari segi akademik dan mampu berkomunikasi dengan lebih baik. Jika kemahiran bahasa dan komunikasi tiada, kanak-kanak akan menghadapi risiko dalam literasi, akademik, sosial dan emosi. Seterusnya, apabila dewasa, mereka akan menghadapi risiko pengangguran dan mengalamai kesihatan mental yang kurang baik (Mc Kean et. al., 2015). Sokongan dan bimbingan ibu bapa, akan menjadikan kanak-kanak seorang insan yang berjaya dan juga akan dapat menyemaikan sikap pembelajaran sepanjang hayat (Samsialh, 2020).

Bagi mengatasi masalah ini, modul membaca perlu digubal supaya kemahiran membaca dapat dikembangkan berbanding proses belajar membaca tanpa modul (Kamisah & Rohaty, 2012). Kemahiran membaca juga perlu dipupuk melalui kaedah bermain dan modul pendekatan berasaskan kaedah bermain perlu disediakan (Sharifah & Aliza, 2011; Aliza & Zamri, 2015). Selain itu kaedah literasi visual seperti kartun perlu dimasukkan dalam modul belajar membaca bagi memantapkan kemahiran berbahasa murid prasekolah (Nur Idayu Yusi, 2017). Kaedah Fonik didapati merupakan salah satu kaedah yang sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca ayat mudah dan mengeja perkataan dalam bahasa Melayu (Sharipah & Syed Ahmad, 2015). Berdasarkan

pandangan-pandangan ini, maka buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dihasilkan.

Dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa membaca sangat penting bagi menyokong kemahiran menulis. Dari aspek penjana idea, kanak-kanak prasekolah berkebolehan menulis secara bebas walaupun idea yang disampaikan adalah terbatas, kurang sesuai dan kurang kreatif (Surayah & Aminah, 2013). Oleh itu, kanak-kanak prasekolah perlu dibimbing dan diberikan galakan untuk menulis secara bebas bagi membendung pelbagai masalah penulisan apabila besar nanti. Ini turut disokong oleh dapatan kajian S.Nachiappan, Subashini, Hari Krishnan, Velayudhan, P. K. Veeran dan Fatimah (2012), yang mendapati guru prasekolah masih boleh melakukan penambahbaikan dalam proses penyediaan aktiviti bertulis yang mencabar, melalui kaedah hermeneutik iaitu suatu proses menginterpretasi teks dengan mencari makna dalam perkataan yang ditulis atau merekodkan dapatan semasa mengkaji apa yang dikehendaki (S. Nachiappan, Gan Sue Yin & Sangkari, 2018).

Salah satu daripada faktor kelewatan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca ialah mereka lebih minat bermain yang merupakan sifat semula jadi mereka berbanding dengan membaca walaupun banyak bahan bacaan disediakan. Sikap ibu bapa yang gemar membenarkan anak-anak mengisi masa senggang dengan menggunakan gajet berbanding bahan bacaan seperti buku cerita juga menjadi faktor kelemahan kanak-kanak membaca (Nabilah Asha, at al., 2020). Menurut Zainiah Mohamed Isa (2016), pemilihan kaedah PdP kemahiran membaca awal untuk kanak-kanak adalah salah satu cabaran besar kepada pendidik. Oleh itu, guru prasekolah perlu menggunakan teknik atau pendekatan yang sesuai, bervariasi, menarik dan dapat menimbulkan minat kanak-kanak belajar serta menarik minat mereka terhadap buku sebagai salah satu medium pembelajaran. Ciri-ciri ini terdapat dalam buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* yang dikaji ini.

Kesediaan Membaca

Kanak-kanak boleh cepat membaca sekiranya mereka dilahirkan dalam persekitaran yang mendedahkan mereka kepada tulisan sepertimana yang terdapat dalam buku, surat khabar, iklan dan sebagainya. Siapa sahaja yang bersama-sama akan menjadi ikutan atau menjadi idola kanak-kanak. Mereka akan melihat dan meniru tingkah laku dan perbuatan idolanya. Sekiranya rakan-rakannya sentiasa menunjukkan sikap positif yang dapat merangsang minat membaca, kanak-kanak tersebut akan berpotensi untuk pandai membaca sebelum mereka masuk ke tahun satu. Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar juga mempunyai peranan yang amat besar dalam membantu kanak-kanak membaca yang mana bahan bantu dapat menarik minat, memberi rangsangan, menimbulkan keseronokan dan meningkatkan kefahaman mereka.

Menurut Teori Tingkah Laku, pembelajaran berlaku dengan adanya rangsangan yang diikuti dengan tindak balas. Apa yang dimaksudkan ialah jika sesuatu lakuan terjadi dalam satu keadaan tertentu, maka pada masa yang lain dalam keadaan yang sama, kita akan membuat lakuan yang sama juga. Apabila terjadi rangsangan dan tindak balas secara berulang maka terhasillah pembelajaran. Teori Tingkah Laku atau dikenali juga sebagai Teori Pembelajaran dengan ahli-ahlinya seperti Skinner (1957) dan Braine (1971) mengatakan kanak-kanak tidak mempunyai kemahiran memperoleh bahasa secara semulajadi. Namun begitu mereka percaya kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk mempelajarinya dan persekitaran memainkan peranan utama untuk merangsang penguasaan tersebut.

Kaedah Mengajar Kemahiran Membaca Awal

Terdapat pelbagai teknik dan pendekatan yang boleh diaplikasikan untuk mengajar kemahiran membaca. Guru digalakkan untuk memvariasikan teknik dan kaedah pengajaran yang menarik agar dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Antara kaedah yang menarik dalam mengajar kemahiran membaca ialah: 1) Kaedah Gabungan Bunyi Kata, 2) Kaedah Abjad, dan 3)

Kaedah Pandang dan Sebut.

Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah gabungan kaedah bunyi kata dan pandang dan sebut yang dikenali sebagai kaedah NAS. Kaedah Gabungan Bunyi-Kata (KGBK) diperkenalkan oleh Isahak Haron (2006) sebagai alternatif kepada kaedah abjad dan kaedah pandang dan sebut.

Dalam kajian ini, kanak-kanak diperkenalkan dengan setiap huruf vokal mewakili satu bunyi. Suku kata juga mewakili satu bunyi. Bagi menguatkan daya ingatan kanak-kanak. Teknik Bacaan Anakku Kreatif NAS boleh membantu meningkatkan penguasaan bacaan kanak-kanak yang akan memasuki tahun satu tetapi masih lagi lambat membaca. Kaedah NAS bermaksud seperti berikut;

- **N = Nampak/ Lihat**
- **A = Ajuk/ Tiru**
- **S = Sebut**

Pertama sekali, kanak-kanak akan **Nampak** atau lihat huruf vokal yang mempunyai warna sendiri dan diikuti oleh gambar posisi mulut kartun. Secara automatik, kanak-kanak akan **Ajuk** atau meniru posisi mulut kartun tersebut. Akhirnya, mereka akan **Sebut** bunyi vokal sebagaimana yang ditunjukkan oleh gambar kartun. Bagi memudahkan para guru dan ibu bapa mengajar anak-anak membaca, panduan diberikan di akhir muka surat buku. Untuk mendapatkan hasil yang lebih berkesan, guru atau ibu bapa disarankan mengajar kanak-kanak menggunakan pendekatan '*one to one*'. Bagi membolehkan kanak-kanak membaca dengan pantas, huruf tidak perlu disebut dan tidak perlu mengeja tetapi hanya sebut dan bunyikan sahaja vokal sambil mengajuk dan bermain.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah lapangan. Kajian kes dilakukan melalui kaedah temu bual ke atas peserta kajian.

Persampelan

Sampel kajian atau peserta temu bual terdiri daripada seorang guru prasekolah, dan empat orang kanak-kanak tadika swasta.

Instrumen Kajian

Instrumen dan alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah bahan inovasi Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif, protokol temu bual dan pengkaji sendiri merupakan instrumen utama pengumpulan dan penganalisan data (Cresswell, 2012)

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan di sebuah tadika swasta. Data kajian diperoleh melalui temu bual yang dijalankan terhadap guru prasekolah, dan kanak-kanak prasekolah. Guru prasekolah telah ditemu bual untuk mendapatkan respon tentang kesan teknikal dan reka bentuk buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif terhadap minat dan penguasaan membaca sampel kanak-kanak yang diuji. Data dikumpul melalui peralatan rakaman audio dan video.

Temu bual dengan kanak-kanak dilakukan oleh guru selepas mereka membuat pemerhatian

ketika kanak-kanak membaca. Selepas kanak-kanak membaca, guru bertanya samada kanak-kanak boleh nampak atau tidak berdasarkan protokol temu bual yang telah disediakan. Analisis dokumen juga dilaksanakan ketika kanak-kanak membaca. Guru merekodkan pemerhatian mereka terhadap kanak-kanak yang diuji dan dikongsikan dengan pengkaji. Seterusnya, temu bual telah ditranskrip terlebih dahulu sebelum dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Tujuan temu bual dijalankan terhadap guru sebagai satu kaedah triangulasi data bagi mengesahkan data yang diperolehi daripada temu bual ke atas kanak-kanak. Dapatan temu bual telah dianalisis secara tematik untuk meneroka kesan teknikal dan reka bentuk buku *Bacaan Anakku Kreatif* alam penguasaan asas membaca kanak-kanak prasekolah.

Dapatan dan Perbincangan

Profil Peserta Kajian

Seramai enam orang peserta telah ditemu bual yang terdiri daripada seorang guru prasekolah swasta dan lima orang kanak-kanak tadika swasta. Profil responden kajian adalah seperti Jadual 1. Peserta guru adalah perempuan, mempunyai pengalaman mengajar melebihi 30 tahun dan berumur melebihi 54 tahun. Manakala kanak-kanak yang diuji terdiri daripada dua orang lelaki dan dua orang perempuan yang berumur antara 3+ tahun hingga 6+ tahun.

Jadual 1

Profil Responden Temu bual

Kod Peserta	Jantina	Umur	Institusi	Keadaan
K1	P	4	Taska swasta	normal
K2	P	5	Tadika swasta	normal
K3	P	5	Tadiak swasta	norml
K4	L	6	Tadika swasta	Autisme
K5	L	3	Taska Swasta	Normal
G1	P	54	Swasta	

Hasil Kajian

Analisis dapatan kajian ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

Persoalan Kajian 1

Bagaimanakah kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* terhadap minat dan keseronokan kanak-kanak?

Dapatan kajian mendapati bahawa dengan adanya gambar dan pelbagai warna, kanak-kanak lebih berminat dengan buku bacaan. Dapatan uji cuba menunjukkan, sampel suka dengan saiz buku yang kecil iaitu saiz B5. Sampel juga suka dengan buku ini kerana mempunyai gambar dan warnanya yang terang dan cantik. Keratan temu bual dengan kanak-kanak menunjukkan dapatan tersebut.

“saya suka sebab ada gambar. Cantik. ada warna”. (K1)

“ada kartun, saya suka. Lagi ada warna. Cantik. Saya suka baca”. (K2)

Rujuk silang dengan temu bual guru juga menunjukkan dapatan yang sama seperti keratan temu bual di bawah.

“Kelebihan warna, memanglah budak-budak kalau belajar membaca mestilah warna warni. Mereka seronok dan minat sangat. Ini supaya mereka mudah berhenti. Tapi bila dah buku 4, walaupun warna hitam, dia dah boleh baca dah”. (G1)

Melalui rakaman video, kelihatan kanak-kanak suka dan seronok membaca buku ini. Dia mengajuk atau meniru posisi mulut dan mimik muka kartun dengan senyum dan ketawa

Persoalan Kajian 2

Bagaimanakah kesan teknikal dan reka bentuk buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* dalam memudahkan kanak-kanak mengingat, menyebut dan membunyikan vokal dan suku kata?

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak mudah mengingat bunyi huruf vokal. Seterusnya kanak-kanak mudah membunyikan suku kata terbuka dan tertutup. Keratan temu bual di bawah menunjukkan kanak-kanak boleh meniru dan menyebut bunyi vokal dan suku kata. Rujuk silang dengan melihat video kanak-kanak juga menunjukkan dapatan yang sama.

“Keistimewaan buku ini terutama dalam buku 1, berbanding buku lain, Saya sebut sekali sahaja kanak-kanak dah boleh ikut bila mereka tengok gambar mulut tu”. Kalau suku kata ‘ca’, sebut sahaja ce mereka dah boleh bunyi ‘ca’. Cikgu tak perlu ulang banyak kali seperti buku sebelum ini. Kelebihannya pada gerak mulut”. (G1)

Kanak-kanak lebih mudah menyebut suku kata tertutup seperti yang terdapat dalam buku 3 dan 4. Keratan temu bual di bawah membuktikannya.

“Dalam buku 3 dan 4, bila dah sampai suku kata tertutup seperti ‘ang’, ‘ing’, ‘ung’, tu senang. Bermula dengan cara buka mulut, budak mudah dapat”. (G1)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa buku ini memberi impak terhadap kanak-kanak autisme, *speech delay* dan pelat. Dengan menggunakan buku yang digarap secara kreatif ini, kanak-kanak mudah menyebut bunyi huruf vokal dan suku kata. Keratan temu bual di bawah menunjukkan bahawa buku ini turut berkesan bagi kanak-kanak autisme. Rujuk silang dengan kanak-kanak tersebut melalui rakaman video yang dihantar oleh guru juga menunjukkan dapatan yang sama (K4-V4).

“Buku Anakku Kreatif ni memang berkesanlah. Sebab saya ada seorang budak autisme yang memang tak boleh bercakap. Bila saya ajar dia buku 1 tu, saya tunjukkan mulut kartun sahaja, dia dah boleh sebut”. Sekarang dia buku 1 tu dah nak habis. Dia lambat sikit dari budak-budak lain sebab dia baru boleh bercakap dan sebut sikit-sikit. Sebelum ni saya gunakan buku lain, kaedah fonik, memang dia tak boleh. Tapi dengan buku ini, dia bila tengok gambar mulut tu, nganga, bulat, muncung, dia boleh ajuk dan boleh sebut. Emak dia pun suka”. (merujuk kepada K4-V4)

Dapatan uji cuba juga menunjukkan inovasi ini sangat membantu dan menarik minat kanak-kanak *speech delay* seperti keratan temu bual di bawah;

“Memang betul buku Anakku Kreatif ni memang senang. Seorang lagi kanak-kanak ni pelat, jadi dia susah nak belajar membaca. Emaknya guna buku tu sahaja selama 3 bulan sudah pandai membaca. Sebelum guna buku ni, dia memang susah nak mengingat bunyi. Denagn adanya buku ini, dengan cara mengajuk posisi mulut kartun dia mudah dapat’. (Umur 6 tahun). (G1)

“Buku ini turut berkesan kepada kanak-kanak yang berumur 3 tahun (2+). Cikgu ajar guna buku 1 sahaja. Buku 1 pun insyaAllah bulan Disember ni boleh habis dah tu. Itu pun bukan baca hari-hari, seminggu sekali sahaja”. (G1)

Persoalan Kajian 3

Bagaimanakah kesan kesan teknikal dan reka bentuk buku Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif dalam meningkatkan penguasaan membaca kanak-kanak?

Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak boleh membaca cepat dan lebih awal. Buku ini telah memberi impak yang sangat besar kepada kanak-kanak yang belajar menguasai kemahiran membaca dengan cepat dan lancar. Kanak-kanak tidak perlu mengeja dan mengambil masa yang lama untuk menguasai bunyi huruf-huruf vokal. Dengan gabungan gambar posisi mulut, penggunaan warna dan gambar yang menarik, kanak-kanak dapat menguasai kemahiran membaca dengan cepat walaupun masih berusia empat tahun. Kanak-kanak K1 masih belum kenal abc, sekadar boleh menyebutnya dalam nyanyian sahaja. Namun setelah guru menggunakan buku Anakku Kreatif dengan konsep gabungan di atas, dia telah mampu membaca dengan lancar seperti keratan temu bual di bawah.

“Semua budak baharu yang berumur 4 tahun (3+) tahun ni, memang menggunakan buku Anakku Kreatif. Contohnya K1, mula diajar membaca buku 1 pada bulan April 2022. Sekarang bulan Oktober dah habis buku 4. Lebih kurang 6 bulan sahaja. Umur dia baru empat tahun. Ada dua tahun lagi di tadika”. Rujuk silang dengan kanak-kanak tersebut melalui rakaman video yang dihantar oleh guru juga menunjukkan dapatan yang sama . (K1-V1). (G1)

Hasil uji cuba di sebuah tadika swasta menunjukkan keberkesanan penggunaan buku ini. Ini digambarkan oleh keratan temu bual di bawah.

“Selalunya lah, kalau ikut buku yang biasa saya guna sebelum ini, budak 4 tahun boleh habis buku selama setahun. Itu pun tahapnya tak sama dan lebih rendah daripada tahap buku 4 Anakku Kreatif ni. Tapi buku Anakku Kreatif ni, budak boleh habis 4 siri buku dalam masa 7 bulan. Buku 4 ni lagi tinggi arasnya berbanding buku lain”. Contohnya Aira, baru 4 tahun. (merujuk kepada K1-V1).

Keratan temu bual di atas menunjukkan bahawa teknik Bacaan Anakku Kreatif NAS boleh membantu meningkatkan penguasaan bacaan kanak-kanak yang akan memasuki tahun satu tetapi masih lagi lambat membaca. Dapatan uji cuba juga menunjukkan buku ini sangat membantu dan menarik minat kanak-kanak autisme dan *speech delay*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran membaca perlu diajar setiap hari kerana kanak-kanak perlukan latihan, penegasan dan pengulangan agar tidak mudah lupa. Keterbatasan pengajaran guru ketika pandemik COVID-19 ini menyukarkan keadaan dan memerlukan pelibatan ibu bapa bagi membantu kanak-kanak membaca. Kesan menyeluruh akibat pandemik COVID-19 terhadap sektor pendidikan dari aspek positif menunjukkan bahawa telah terbuka ruang kepada guru untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif bagi menghasilkan bahan PdP dalam talian manakala antara kesan negatif ialah keciciran murid dalam pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi kesukaran untuk mengajar kanak-kanak secara *‘one to one’* dalam talian. Pelibatan kanak-kanak juga kurang memuaskan kerana kehadiran mereka bergantung kepada keberadaan ibu atau bapa di rumah. Oleh itu guru perlu bijak dan kreatif dalam mencari kaedah dan pendekatan yang sesuai agar objektif pembelajaran tercapai selari dengan saranan KPM (2020) dan Zawawi (2008). Guru bukan lagi sekadar memberi syarahan tetapi berperanan sebagai fasilitator dan guru perlu bijak dan memastikan alatan dan bahan PdP menarik dan pelbagai supaya dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar agar PdP dan PdPR menjadi satu pengalaman yang bermakna bagi kanak-kanak (Nur Hazirah & Masayu, 2020).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa cabaran utama guru prasekolah sepanjang pandemik COVID-19 dan PKP ialah pelaksanaan PdP dalam talian bagi memastikan kanak-kanak dapat mengikuti dan melakukan aktiviti PdPc semasa di rumah. Oleh itu, guru dan ibu bapa perlu mengorbankan banyak masa, tenaga dan belanja bagi memastikan pembelajaran anak-anak berjalan lancar dan tidak tercicir. Ini selaras dengan dapatan kajian terdahulu yang menekankan perlunya kerjasama antara guru dan ibu bapa bagi membantu anak-anak menguasai kemahiran membaca (Karacop, 2016; Nur Hazirah & Masayu, 2020). (Mohamed Isa & Che Husin, 2012). Sokongan guru di sekolah, dan bimbingan ibu bapa di rumah dalam proses pembelajaran kanak-kanak penting bagi memastikan proses membaca, menulis dan mengira (3M) berjalan lancar (Fazurawati Che Lah, 2019). Dapatan kajian Agustien Lilawati (2021) menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak boleh mencakupi pelbagai inisiatif dan penyesuaian program yang boleh dirancang khusus. Ibu bapa merasakan pembelajaran di rumah lebih efektif kerana banyak tugas melalui aktiviti seperti dalam modul dapat diselesaikan. Kelancaran pembelajaran *home-based learning* memerlukan komunikasi dan kerja sama daripada guru serta ibu bapa (Putu Indah & Elizabeth, 2021).

Cadangan

Kanak-kanak prasekolah yang akan melangkah ke tahun satu di sekolah rendah perlu mampu menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu. Oleh itu, buku *Jom Baca Cepat: Bacaan Anakku Kreatif* ini amat sesuai digunakan sebagai salah satu usaha untuk membantu para guru dan ibu bapa mengajar anak-anak membaca. Hasil kajian menunjukkan bahawa buku ini amat sesuai dengan kanak-kanak prasekola/tadika yang berumur antara 3+ ke atas. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa buku ini bukan sahaja sesuai dan berkesan untuk kanak-kanak normal, malah juga untuk kanak-kanak autisme dan speech delay/ pelat.

Guru perlu meningkatkan usaha dengan mempelbagaikan kaedah yang bukan sahaja mudah malah boleh menarik minat kanak-kanak untuk belajar membaca. Oleh itu, ibu bapa sebagai penjaga dan orang yang paling hampir dengan anak-anak mereka perlu mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang peranan mereka dalam menyediakan rangsangan yang bersesuaian untuk perkembangan membaca kanak-kanak. Gandingan semua pihak termasuk ibu bapa amat diperlukan bagi memastikan kadar celik huruf dan kebolehan bacaan kanak-kanak prasekolah yang akan melangkah ke tahun satu dapat ditingkatkan. Oleh itu kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sebelum melangkah ke tahun satu di sekolah rendah. Kajian ini juga mencadangkan agar kajian lanjutan perlu dilaksanakan untuk melihat keberkesanan buku ini secara menyeluruh agar boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa buku ini sangat membantu para guru dan ibu bapa mengajar anak-anak membaca dengan cepat dan lancar. Secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah buta huruf dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia dan seterusnya menanamkan budaya membaca sejak dari kecil. Buku yang digarap dengan warna-warni dan gambar yang menarik ini dijangka dapat menarik minat kanak-kanak untuk mendampingi buku. Ketika bersendirian, tanpa dibantu oleh sesiapa pun, kanak-kanak akan mudah mengajuk dan mengejek posisi mulut kartun yang dipaparkan bagi membunyikan bunyi huruf vokal seterusnya membunyikan suku kata. Penggunaan warna yang berlainan bagi setiap bunyi vokal juga merangsang dan menguatkan daya kognitif dan ingatan kanak-kanak. Ibu bapa juga mudah mengajar anak-anak untuk membaca menggunakan buku ini kerana buku ini mempunyai keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri, pasti kanak-kanak suka mendampinginya. Cubalah dengan anak anda.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, (2011) *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ), 1 (1). 1-12. ISSN: 2180-4842
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2015. Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3): 1-8.
- Anesman B. W., Hussain, M. A. M., & Zulkifli, R. M. (2020). Teaching Vocational with Technology: A Study of Teaching Aids Applied in Malaysian Vocational Classroom. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(7), 176-188.
- Agustien Lilawati. (2021). Peran Orang Tua dalam Mendukung Kegiatan Pembelajaran di Rumah pada Masa Pandemi. *Jurnal Obsesi : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v5i1.630>.
- Azuara, S., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14.
- Braine, M. (1971). *On two types of models of the internalization of grammar*. NY: Academic Press.
- Cresswell, J. W. (2012). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. United States of America: Sage Publications.
- Emmi Silvia Herlina. (2020). Instrumen Kemampuan Membaca Permulaan (Studi Pengembangan Pada Anak Kelompok B Taman Kanak-Kanak Di Wilayah Kotamadya Jakarta Timur Tahun 2019). *Jurnal Pionir Lppm Universitas Asahan* 6 (2).
- Fazurawati Che Lah. (2019). Seminar 3M untuk ibu bapa. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/bestari/2019/02/421910/seminar-3m-untuk-ibu-bapa>
- Habibah Mohammad@Basiron, Nor Azwahanum Nor Shaid & Nurul Azlin Othman (2023). *Kelunturan Minat Membaca Bahan Bacaan Berbentuk Fizikal dalam Kalangan Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 1 (13). 51-63.
- Hazhari Ismail (2021, 8 Mac). COVID-19 antara punca utama kemahiran 3M murid terjejas. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/03/794037/covid-19-antara-punca-utama-kemahiran-3m-murid-terjejas>
- Isahak Harun (2006). *Mudah membaca Bahasa Melayu: Edisi Guru 2*. Penerbit Fajar Bakti.
- Kamisah Buang, Rohaty @ Rohatiah Mohd Majzub (2012), *Pembangunan Dan Pengujian Modul Intervensi Membaca Bahasa Melayu Prasekolah. Development And Intervention Of Bahasa Melayu Reading Module For Kindergarten Children.*: Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, Vol 1
- Karacop, A. (2016). Effects of Student Teams-Achievement Divisions Cooperative Learning with Models on Students' Understanding of Electrochemical Cells. *International Education Studies*, 9(11). <https://doi.org/10.5539/ies.v9n11p104>.
- Mazin, K. A., Norman, H., Nordin, N., & Ibrahim, R. (2020). Student Self-Recording Videos for TVET Competency in MOOCs. *Journal of Physics: Conference Series 1529 (2020) 042061 IOP Publishing*.
- McKean, C., Mensah, F.K., Eadie, P., Bavin, E.L., Bretherton, L., Cini, E. and Reilly, S., 2015. Levers for language growth: Characteristics and predictors of language trajectories between 4 and 7 years. *PloS one*, 10(8), p.e0134251.
- Mohd Nor, R., Nik Yusoff, N. M. R., & Haron, H. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125-140.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Maklumat prasekolah. Diakses pada Mac 25, 2020 dari <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-prasekolah/senarai-sekolah>

- Lau, Alizah Lambri, and Rosliah Kiting. 2020. "Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Jati Di Bintulu, Sarawak". *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 6 (1), 33-42. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/3449>.
- Mohamed Isa, Z., & Che Husin, N. F. (2012). Kesan bacaan berulang terhadap kefahaman kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 1, 1-16
- Norsita & Hashimah (2021). Cabaran PdPr Guru Dan Penguasaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Semasa Pandemik Covid-19. *Buku Prosiding SeDAR '21*.
- Nur Idayu Yusi (2017). Pelaksanaan literasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 8, 2017/ISSN 1823-6812 (66-71)
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Nabila Asha., Siraj, S., Ismail, H., Omar, R., Samad, S. A., & Ninari, E. F. (2020). Penggunaan big book dalam kalangan guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 106-112. Retrieved from <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4542>
- Putu Indah Lestari, Elizabeth Prima (2021), Home-Based Learning di Masa Normal Baru: Partisipasi Orang tua Anak Usia Prasekolah. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. 6 (1), 208-219. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v6i1.1196>.
- Razali, R. M., & Ayob, A. (2018). Keberkesanan penggunaan Modul Interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 34-56
- Razak Rahim (2017). <http://gurutraining.blogspot.com/p/teori-re.html>
- Rahimah Abdullan, Julai 4, (2022) <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-tingkatan-1-tidak-boleh-membaca-bukan-baharu-radzi-jidin-369533>
- Razali, R. M., & Ayob, A. (2018). Keberkesanan penggunaan Modul Interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 34-56
- Razak Rahim (2017). <http://gurutraining.blogspot.com/p/teori-re.html>
- Sharifah Nor Puteh, and Aliza Ali, (2011) *Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah (The play approach in teaching language and literacy for preschool education)*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (2). pp. 1-15. ISSN: 2180-4842
- Samsilah (2015). The Role of Psychological Factors in the Process of Reading. *Journal of Education and Practice*, v6 n29 p114-123 2015
- Skinner, B. F. (1957). *Verbal behavior*. New York, NY: Appleton-Century-Crofts.
- S. Nachiappan., Santhrasaygran, S., Krishnan Andi, H., P. K. Veeran, V., & Mohd Zulkafaly, F. (2012). Aplikasi Kognisi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Prasekolah Melalui Analisis Pedagogi Hermeneutik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 1, 40 - 52. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.y/index.php/JPAK/article/view/752>
- S. Nachiappan, Suppiah, Gan Sue Yin, and Sangkari Chandra Sehgar. 2018. "Aplikasi Kemahiran Kognisi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Di SJK (Cina) Daerah Sabak Bernam". *PENDETA* 32 -, 40. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.3.2018>.
- Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad. (2015) Penggunaan kaedah Fonik dalam pengajaran kemahiran bacaan awal kanak-kanak prasekolah. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Surayah, and Aminah Ayob. 2013. "Kemahiran Bahasa, Penjanaan Idea Dan Penulisan Kanak-Kanak Prasekolah". *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 2 (December), 58 - 82. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/764>.
- Thanavalli Subrahmonion. (2016) Analisis aplikasi kognisi dalam tunjang komunikasi Bahasa Malaysia prasekolah. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Zainiah Mohamed Isa (2016). Aplikasi Model ADDIE dalam Pembangunan Modul Awal Literasi (Modul A-Lit) untuk Kanak-kanak TASKA. Conference: 1st International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP)
- Zawawi Ismail (2008). Penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur Bahasa Arab komunikasi di sekolah menengah kebangsaan agama. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.